

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 18.5.2016

SOALAN :

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam menangani kes buli yang melibatkan pelajar sekolah menengah; dan
- (b) adakah Kementerian menyedari bahawa segelintir pelajar sekolah menengah terpengaruh dengan gejala gangsterisme di luar kawasan sekolah dan menjadi ahli kumpulan samseng dan apakah langkah proaktif yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian selain daripada bimbingan kaunseling.

JAWAPAN

(a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serius dalam usaha menangani isu disiplin murid bagi memastikan kes-kes salah laku murid tidak berleluasa di semua sekolah. Sehubungan itu, KPM telah mengeluarkan Surat Siaran bertarikh 11 November 2011 kepada semua Pengarah Pendidikan Negeri, Pegawai Pendidikan Daerah, pengetua dan guru besar bagi mengingatkan mereka supaya mengambil tindakan tegas tanpa berkompromi terhadap perbuatan buli dalam kalangan

murid sama ada di sekolah mahupun di asrama. Selain daripada itu, mereka juga perlu merujuk surat pekeliling ikhtisas dan surat siaran sedia ada termasuk **Garis Panduan “Menangani Buli Melalui Pembudayaan Amalan Penyayang Dalam Kalangan Murid Sekolah dan Asrama”**. Surat pekeliling ikhtisas dan surat siaran yang berkaitan adalah seperti berikut:

- i. **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. (8) Tahun 2010:** Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah.
- ii. **Surat Siaran KPM Bil. (16) Tahun 2009:** Ketegasan Menangani Tingkah Laku Ala Samseng Dalam Kalangan Murid.

KPM juga mengingatkan pihak pengurusan sekolah supaya membudayakan sikap kasih sayang secara berterusan di sekolah. Di samping itu, Amalan Guru Penyayang perlu dipraktikkan oleh warga pendidik dengan memberi penekanan kepada sifat kepedulian terhadap muridnya dengan mengamalkan nilai kasih sayang, bersikap mesra, mengambil berat, berbudi bahasa, saling menghormati, sentiasa ceria, prihatin dan sabar hendaklah diterapkan kepada semua murid sama ada di sekolah atau di asrama.

Di samping itu, pihak sekolah juga perlu memastikan setiap kejadian buli yang berlaku di sekolah dilaporkan kepada KPM dengan mematuhi SPI Bil. 7/2011 iaitu Pelaksanaan *Standard Operating Procedure (SOP)* 1:3:7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Displin Murid Tahun 2011. RJM25